

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

4.0 Pendahuluan

Penyelidikan ini merupakan kajian berbentuk eksperimen terhadap mutu dan pencapaian asas al-Quran terhadap pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran setelah mengikuti pembelajaran al-Quran melalui Teknik *al-Baghdadi* yang menggunakan pendekatan yang bersistematik iaitu pendekatan SAS (Struktur, Analisis, dan Sintesis). Tempoh eksperimen adalah 3 bulan.

Berasaskan beberapa metodologi yang digunakan sepanjang kajian ini, iaitu pemerhatian terhadap rekod bacaan pelajar, ujian bacaan dan temubual dengan beberapa orang yang terlibat, pengkaji mengumpul kesemua data tersebut dan mengkategorikan data kepada 4 ketegori iaitu:

1. Rekod pencapaian pelajar berdasarkan tempoh pembelajaran dan perbandingan sebelum dan selepas mengikut sukatan buku Teknik *al-Baghdadi*.
2. Tahap pencapaian kemahiran bacaan berdasarkan ujian bacaan.
 - a. Kemahiran mengenal dan membunyikan huruf-huruf al-Quran mengikut baris-baris. Tanda-tanda baris yang dimaksudkan ialah baris atas (*fathah*), baris bawah (*kasrah*), baris depan (*dhommah*), baris dua atas (*fathatain*), baris dua bawah (*kasratain*), baris dua depan (*dhommatain*), baris mati (*sukun*), baris sabdu (*tasydid*) dan bacaan panjang (*mad*).
 - b. Kemahiran menggabungkan bunyi-bunyi huruf dalam perkataan.
 - c. Kemahiran membaca terus potongan ayat al-Quran.
3. Merumuskan bentuk-bentuk kesalahan bacaan yang dilakukan sepanjang ujian bacaan.

4. Komentor dan pandangan beberapa orang yang menggunakan Teknik al-Baghdadi sebagai metod pengajaran al-Quran.

4.1 Rekod pencapaian pelajar berdasarkan tempoh pembelajaran dan perbandingan sebelum dan selepas mengikut sukatan buku Teknik *al-Baghdadi*.

Pemerhatian terhadap rekod pembelajaran telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu sebelum pembelajaran bermula dan yang kedua pada akhir bulan ketiga. Tujuan utama pemerhatian ini dijalankan ialah untuk melihat sejauh mana penguasaan subjek terhadap sukatan pelajaran.

Pengkaji membahagikan 11 pelajaran yang disusun dalam *buku Tamhid al-Baghdadi* kepada dua bahagian iaitu:

- a. Pelajaran 1-9 : Penguasaan bacaan mengenal dan membunyikan huruf-huruf al-Quran mengikut baris-baris. Tanda-tanda baris yang dimaksudkan ialah baris atas (*fathah*), baris bawah (*kasrah*), baris depan (*dhommah*), baris dua atas (*fathatain*), baris dua bawah (*kasratain*), baris dua depan (*dhommatain*), dan bacaan panjang (*mad*).
- b. Pelajaran 10-11 : Penguasaan bacaan baris mati (*sukun*), dan baris sabdu (*tasydid*).

4.2 Tahap pencapaian kemahiran bacaan berdasarkan ujian bacaan.

Tahap pencapaian bacaan ini diukur berdasarkan ujian bacaan yang dijalankan sendiri seorang demi seorang. Ujian ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

4.2.1 Mengenal dan membunyikan huruf-huruf al-Quran mengikut baris-baris.

Ujian mengenal dan membunyikan huruf diolah sebanyak 5 ketegori soalan mengikut baris. Soalnya diambil dan diolah dari Syihab Resources. Pemarkahan hanya diberi berdasarkan kebolehan membunyikan kesemua huruf *hijaiyyah* mengikut baris tanpa diberi prestasi pencapaian samada lancar atau tidak. Walau bagaimanapun bunyi yang salah direkodkan untuk dianalisis berdasarkan gaya penyampaian dan susunan buku *Tamhid al-Baghdadi*.

1.2.2 Kemahiran menggabungkan bunyi-bunyi huruf dalam perkataan.

Ujian kemahiran menggabungkan bunyi-bunyi diolah sebanyak 10 soalan sahaja.

1.2.3 Kemahiran membaca terus potongan ayat al-Quran.

Kemahiran membaca terus potongan ayat al-Quran ini dijalankan secara perseorangan. Setiap pelajar disuruh membaca potongan ayat al-Quran yang diberikan. Gred diberikan berdasarkan skala berikut iaitu:

- A: Lancar tanpa kesalahan baris dan panjang pendek.
- B: Terputus-putus tanpa kesalahan baris dan panjang pendek
- C: Terdapat kesalahan baris dan panjang pendek.

4.3 Analisis soal selidik

4.3.1 Peratusan Dorongan membaca al-Quran.

Borang soal selidik yang diberikan kepada responden mengemukakan soalan yang berkaitan dorongan pelajar untuk mempelajari al-Quran. Seramai 8 orang pelajar didorong oleh ibu bapa untuk membaca al-Quran. Bagi pelajar yang didorong oleh minat sendiri terhadap membaca al-Quran adalah seramai 11 orang. Manakala 3% responden didorong oleh rakan-rakan sendiri dan 10% dari jumlah keseluruhan menjawab lain-lain.

4.3.2 Peratusan Kesedaran ingin belajar al-Quran.

Seramai 7 orang pelajar menjawab sebab ingin belajar al-Quran adalah keperluan mendalami buku-buku kuliah yang menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai dalil hujah. Sebanyak 45% pula yang menjawab soal selidik ini atas dasar minat. Manakala 31% menjawab penting bagi seseorang pelajar Islam untuk mengetahui ilmu bacaan al-Quran. Ini menunjukkan bahawa para pelajar jelas sebab atau faktor untuk mendalami al-Quran.

4.3.3 Mula belajar al-Quran.

Dapatan daripada soal selidik, bahawa kesemua responden bermula belajar al-Quran sejak dari sekolah rendah lagi.

4.3.4 Sebab membaca al-Quran.

Berdasarkan analisis yang diperolehi tujuan kebanyakan pelajar membaca al-Quran adalah meningkatkan kemahiran sama ada dari sudut pembacaan mahupun memahami makna perkataan. Bilangan responden yang menjawab jawapan ini mencapai 70% dari bilangan keseluruhan iaitu seramai 25 orang. Bagi pilihan jawapan kedua iaitu membaca atas dasar minat adalah seramai 3 orang.

4.3.5 Kekerapan membaca al-Quran.

Keputusan analisis menunjukkan bahawa sebilangan besar responden hanya kadang-kadang membaca al-Quran. Bagi responden yang menjawab sederhana membaca al-Quran seramai 12 orang. Hanya terdapat 2 responden yang kerap membaca al-Quran.

4.3.6 Kekerapan menonton rancangan yang berkaitan tentang al-Quran.

Dapatan kajian dari soal selidik sebanyak 27% bilangan pelajar yang menjawab sederhana sebagai ukuran kekerapan pelajar menonton rancangan berkaitan tentang al-Quran. Pilihan jawapan kadang-kadang pula merupakan bilangan terbesar responden iaitu seramai 21 orang. Pilihan jawapan yang terakhir seramai 2 orang responden tidak pernah menonton rancangan berkaitan tentang al-Quran.

4.3.7 Kekerapan melayari laman web al-Quran.

Di dalam soal selidik juga, penulis mengutarakan soalan yang berkaitan kekerapan pelajar melayari laman web al-Quran. Hasil kajian yang diperolehi 55% dari bilangan keseluruhan pelajar menjawab pilihan jawapan yang ketiga iaitu kadang-kadang melayari laman web al-Quran. Seramai 12 orang menjawab sederhana sebagai ukuran kekerapan bagi soalan ini merupakan pilihan kedua terbanyak. Hanya 3 orang pelajar sahaja tidak pernah melayari laman web al-Quran.

4.3.8 Kekerapan menghafaz perkataan dalam al-Quran.

Hasil analisis yang dibuat, seramai 19 orang menjawab keseluruhan sederhana sebagai ukuran kekerapan mereka menghafaz perkataan dalam al-Quran iaitu merupakan bilangan tertinggi. Sebanyak 5 pelajar dari keseluruhan menjawab pilihan jawapan ketiga iaitu kadang-kadang.

4.4 ANALISIS TEMUBUAL

Penulis dapat menemubual pengasas dan penyusun Teknik *al-Baghdadi*, Ustaz Jalaluddin Hasanuddin, beliau berkata, teknik ini sesuai untuk diaplikasikan di peringkat awal kanak-kanak memandangkan teknik ketukan mampu mendisiplin pembaca al-Quran. “Terdapat pelbagai teknik yang diaplikasikan dalam teknik ini seperti Teknik Bacaan Berirama, Teknik Titian Unta, dan Kaedah Struktur, Analisis dan Sintesis (SAS).

Kata Ustaz Jalaluddin juga, penggunaan teknik ini membolehkan murid mengenal huruf dengan lebih cepat, selain dapat membaca al-Quran dalam tempoh 6 bulan.


Kelebihan teknik *al-Baghdadi* adalah membolehkan murid mengenal dan membaca 29 huruf hujaiyyah dengan baik selain menguasai tanda baris asas bacaan panjang, bacaan mati, dan bacaan berganda.

Tempoh pembelajaran melalui teknik *al-Baghdadi* adalah seminggu sekali selama 2 jam. Penambahan masa P&P selama setengah jam.

Semoga usaha ini akan membolehkan murid belajar al-Quran dengan lebih menyeronokkan kerana sebelum ini belajar membaca al-Quran disifatkan sebagai susah, lama dan menjemukan.


4.5 Laporan peratusan peningkatan kemahiran asas membaca al-Quran dengan Teknik Al-Baghdadi di Kolej Islam Darul Ridzuan.

Carta 4.5.1: Bacaan Huruf-huruf Tunggal




Dapatan carta 4.5.1 di atas menunjukkan kesemua 25 orang pelajar mendapat 100% peningkatan bagi keupayaan mengenal dan membaca huruf-huruf Hijaiyyah.

Carta 4.5.2: Bacaan Huruf-huruf Mad




Dapatan carta 4.5.2 di atas menunjukkan kesemua 25 orang pelajar mendapat 100% peningkatan bagi keupayaan mengenal tanda bacaan panjang (mad).

Carta 4.5.3: Bacaan Tanwin




Dapatan carta 4.5.3 di atas menunjukkan kesemua 25 orang pelajar mendapat 100% peningkatan bagi kemahiran menguasai tanda baris dua bacaan (tanwin).

Carta 4.5.4 Bacaan Sukun




Dapatan carta 4.5.4 di atas menunjukkan seramai 3 orang pelajar mendapat 100%, 8 orang pelajar mendapat 90%, 11 orang pelajar mendapat 80%, 2 orang pelajar mendapat 70% manakala seorang pelajar lagi mendapat 60% peningkatan bagi kemampuan membaca tanda bacaan mati (sukun).

Carta 4.5.5 Bacaan Sabdu




Dapatan carta 4.5.5 di atas menunjukkan seramai 6 orang pelajar mendapat 100%, 2 orang pelajar mendapat 90%, 12 orang pelajar mendapat 80%, 2 orang pelajar mendapat 70% manakala 3 orang pelajar lagi mendapat 60% peningkatan bagi kemahiran menguasai tanda bacaan berganda (sabdu).

Carta 4.5.6 Kalimah




Dapatan carta 4.5.6 di atas menunjukkan seramai 7 orang pelajar mendapat 100%, 7 orang pelajar mendapat 90%, 10 orang pelajar mendapat 80%, manakala seorang pelajar lagi mendapat 70% peningkatan bagi kemampuan membaca kalimah al-Quran.

Carta 4.5.7 Potongan Ayat



Dapatan carta 4.5.7 di atas menunjukkan seramai 6 orang pelajar mendapat 100%, 9 orang pelajar mendapat 90%, manakala 10 orang pelajar lagi mendapat 80% peningkatan bagi kemampuan membaca potongan ayat al-Quran.

Carta 4.5.8 Laporan penuh peratusan peningkatan kemahiran asas membaca al-Quran dengan Teknik al-Baghdadi



Kesimpulannya dapatan carta 4.5.8 di atas menunjukkan seramai 4 orang pelajar mendapat 96%, 9 orang pelajar mendapat 90%, manakala 10 orang pelajar lagi mendapat 80% peningkatan bagi kemahiran asas membaca al-Quran dengan Teknik Al- Baghdadi.